

# Rakyat perlu tingkat kesedaran mengenai kewujudan anasir luar

UM 26/10/03

KUALA LUMPUR 23 Okt. — Rakyat negara ini perlu ditingkatkan kesedaran mengenai kewujudan anasir luar seperti badan pelobi berkepentingan Yahudi di Amerika Syarikat (AS) yang mahu menghancurkan ekonomi dan politik negara.

Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, niat jahat berkenaan tidak akan berjaya sekiranya rakyat negara ini peka dengan keadaan itu dan terus menyokong kerajaan dalam usaha membangunkan negara.

“Yang penting ialah untuk kita terus berusaha untuk tingkatkan keyakinan dunia terhadap Malaysia.

“Ini boleh dilakukan dengan usaha seperti menyokong usaha kerajaan membuat promosi pelaburan dan membawa pelancong ke dalam negara untuk mereka lihat sendiri yang di sini baik dan selamat,” katanya.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu diminta mengulas tindakan badan pelobi Yahudi yang berpengaruh di AS, Pusat Simon Wiesenthal yang menyifatkan Dr. Mahathir Mohamad sebagai anti-semitik dan menggesa pelancong dan pelabur memulaukan Malaysia.

Pusat itu yang mengemukakan kecaman balas tersebut kepada *Agence France Presse (AFP)* terhadap Dr.

Mahathir yang dikatakan melabel Yahudi bangsa angkuh dan menguasai dunia menggunakan proksi.

Katanya, ini berdasarkan kedudukan ekonomi negara yang mantap dan mereka yang mengetahui kebenaran tidak boleh termakan dengan dakwaan tidak berasas badan tersebut.

“Jadi apa guna kita layan mereka (badan itu), yang penting kita jaga diri kita kita tentukan usaha yang dirancang kerajaan itu berjaya.

“Kita juga perlu sedarkan rakyat bahawa memang ada pihak yang iri hati dan berniat jahat yang berusaha sedaya upaya untuk melemahkan negara,” katanya.